

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Institut Pengurusan Kualiti
Sent: 15 Februari 2016 8:30
To: UUM - All Staff
Cc: Prof. Madya Dr. Haim Hilman bin Abdullah; Institut Pengurusan Kualiti
Subject: IPQ Terima Kunjungan Hormat Auditor AUN-QA dari Universitas Gadjah Mada

Importance: High



Institut Pengurusan Kualiti
INSTITUTE OF QUALITY MANAGEMENT
Universiti Utara Malaysia



15 FEBRUARI 2016 / 06 JAMADILAWAL 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

IPQ Terima Kunjungan Hormat Auditor AUN-QA dari Universitas Gadjah Mada



IPQ ONLINE: Institut Pengurusan Kualiti (IPQ) telah menerima kunjungan hormat Prof. Madya Dr. Titi Savitri Prihatiningsih iaitu Ahli Majlis AUN-QA dari Universitas Gadjah Mada, Indonesia pada 14 Februari 2016 (Ahad).

Kehadiran Dr. Titi adalah di atas urusan pendaftaran anak beliau yang mengikuti program Teknologi Media di SMMTC. “Pengalaman semasa melakukan audit AUN-QA di UUM pada Jun 2015 lalu telah menambat hati saya untuk menghantar anak melanjutkan pelajaran peringkat sarjana muda ke UUM,” ujarnya.

Di samping itu beliau telah mengambil kesempatan untuk mengunjungi IPQ dan berbincang pelbagai isu berkaitan dengan kerjasama kualiti dan perkongsian ilmu dalam pelbagai bidang di antara Universitas Gadjah Mada dan Institut Pengurusan Kualiti (IPQ) khususnya dan UUM amnya.

Pengarah IPQ, Prof. Madya Dr. Haim Hilman Abdullah dalam sesi akhir lawatan ini melahirkan harapan supaya institusi pengajian tinggi negara ASEAN mampu menjadi pemangkin kepada usaha memperkukuhkan hubungan di antara dua buah negara khususnya dan lebih banyak kerjasama dapat dibentuk pada masa akan datang.

=====

=====

DARIPADA:
INSTITUT PENGURUSAN KUALITI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010 UUM SINTOK,
KEDAH DARUL AMAN

FOCUS.ACCURATE.SHARP.TIMELY
IPQ DRIVES UUM'S ENDLESS POTENTIALS

TEL. : 04 - 928 4651/55
FAKS :04 - 928 4660
E-MEL : ipq@uum.edu.my
<http://ipq.uum.edu.my>

